

06/06/1998

Pelantikan Osu mantap hubungan

KOTA KINABALU, Jumaat - Pelantikan Datuk Osu Sukam sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah bertujuan mengukuhkan pentadbiran kerajaan negeri selain memantapkan perhubungan dengan Kerajaan Persekutuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, pelantikan itu juga bertujuan membolehkan kewangan negeri diurus dengan baik dalam kegawatan ekonomi sekarang kerana sumber seperti balak tidak lagi boleh ditebang sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, langkah memperkukuh pentadbiran kerajaan dan Barisan Nasional (BN) negeri perlu kerana Sabah akan menghadapi pilihan raya negeri tidak lama lagi.

"Saya sudah bercakap dengan Osu dan saya fikir dia faham mengenai pentingnya bekerjasama dalam kerajaan negeri dan BN di Sabah. Seperti anda ketahui, kita akan berhadapan dengan pilihan raya negeri tidak lama lagi dan kita tidak boleh berterusan memikir perkara yang remeh-temeh," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Sabah yang baru, Tan Sri Bernard Dompok, di Bilik Orang Kenamaan Terminal Lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, tengah hari ini.

Beliau yang dalam perjalanan pulang selepas lawatan rasmi lima hari ke Jepun, singgah di Kota Kinabalu selama kira-kira 30 minit.

Menurut Perdana Menteri, Dompok bersetuju supaya diadakan perhubungan maksimum di antara Kerajaan Pusat dan negeri supaya setiap rancangan dilakukan secara bersama.

Kerajaan Pusat mahu membantu kerajaan negeri sebaik mungkin untuk menangani pelbagai masalah, seperti bekalan air dan elektrik, yang memerlukan sokongan kerajaan.

"Selain itu, kita perlu mengurus kewangan Sabah dengan baik pada waktu yang sukar seperti sekarang dan kita tidak boleh menebang kayu dengan sewenang-wenangnya seperti dahulu. Kita perlu lebih berhati-hati," katanya.

Perdana Menteri yakin Osu dan Dompok dapat bekerjasama dengan baik kerana kedua-duanya pernah menganggotai Kabinet Pusat.

"Osu dan Dompok daripada Kabinet Pusat dan mereka tahu cara kita bekerja dalam Kabinet. Saya tak nampak ada masalah. Saya percaya Osu akan menjadi jambatan di antara Kerajaan Pusat dan negeri," katanya.

Mengenai jawatan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi yang dikosongkan oleh Osu, Dr Mahathir berkata beliau belum memutuskan penggantinya, tetapi menegaskan bahawa jawatan itu adalah bagi kuota Umno Sabah.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata Kabinet negeri yang baru memang bertujuan memperkukuhkan kerajaan sedia ada dalam menghadapi pilihan raya negeri akan datang.

Sehubungan itu, katanya, Kabinet negeri perlu membentuk satu kombinasi yang kuat dan Osu yang berpengalaman sebagai menteri Pusat memikul tanggungjawab besar di negeri ini.

Mengenai pelantikan bekas Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee menganggotai Kabinet negeri, Perdana Menteri berkata, ia dibuat kerana Yong menyatakan hasrat untuk terus menyumbang kepada pembangunan Sabah.

Menurutnya, Ketua Menteri sebelum ini (Datuk Salleh Tun Said) tidak dilantik menganggotai Kabinet kerana beliau (Salleh) minta berehat.

"Beliau minta untuk berehat...sebab itu saya tak paksa dia. Tapi saya

cakap dengan Yong dan dia berpendapat bahawa dia masih boleh menyumbang. Tapi dia tak nak jadi tinggi lagi daripada menteri biasa. Sementara dia bertanggungjawab terhadap kerajaan, masa yang lebih tertumpu kepada perkara lain, termasuk urusan parti," katanya.

(END)